

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil bagi memastikan pihak pengurusan dan majikan mematuhi pelaksanaan Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja yang dilancarkan oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia telah bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengeluarkan Garis Panduan Solat Dalam Waktu Kerja sebagai panduan kepada majikan bagi memudahkan pelaksanaan penyelarasan komitmen kerja dengan kewajipan pekerja menunaikan solat dan juga keperluan majikan untuk menyediakan tempat solat yang sesuai. Garis Panduan ini telah dilancarkan di syarikat Camfil Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat multinasional yang Ibu Pejabatnya di Stockholm pada 17 Januari 2019. Garis Panduan ini sebagai rujukan supaya pekerja tidak menyalahgunakan kepercayaan dan pelepasan yang diberikan oleh majikan dan majikan juga digesa untuk memberikan kelonggaran dan menyusun atur waktu bekerja bagi membolehkan pekerja beragama Islam untuk menunaikan solat Jumaat dan selesai solat boleh balik bekerja.